

08 JAN 2003

Parlimen-format/I

FORMAT BARU FORUM ANGGOTA PARLIMEN ASIA PASIFIK JANJI PERBINCANGAN MENARIK

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Mesyuarat ke-11 Forum Anggota-anggota Parlimen Asia Pasifik (APPF) di sini dari 13 hingga 15 Jan ini akan mempunyai format baru yang tidak begitu formal bagi membolehkan anggota perwakilan dari 27 negara menyuarakan pendapat mengenai isu-isu dunia secara lebih menarik.

Yang Dipertua Dewa Negara, Tan Sri Michael Chen, yang juga pengerusi APPF, memberitahu Bernama hari ini bahawa sebagai negara tuan rumah, Malaysia telah diberi tugas menjadikan mesyuarat itu lebih menarik dan berkesan bagi menentukan forum itu relevan.

APPF ditubuhkan oleh bekas Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone pada 1991.

Chen berkata jika pada mesyuarat-mesyuarat dahulu, mereka yang berucap telah ditentukan lebih awal, kali ini semua negara akan diberi peluang berucap, dan jika masih ada masa, pengerusi akan memberi peluang kepada lebih ramai di kalangan 150 peserta untuk berhujah.

Beliau berkata walaupun APPF mengandungi hanya 27 negara, hakikat bahawa tiga daripadanya -- Amerika Syarikat, Rusia dan China -- adalah anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, membuktikan bahawa forum ini amat penting.

Chen berkata sambutan menggalakkan terhadap mesyuarat itu adalah juga kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikannya.

"Saya mendapat tahu banyak sekali Anggota Parlimen dari luar negara yang tidak sabar-sabar untuk mendengar ucapan Dr Mahathir," katanya.

Anggota APPF terdiri daripada Australia, Kemboja, Kanada, Costa Rica, Ecuador, Chile, China, Colombia, Fiji, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Malaysia, Kepulauan Marshall, Mexico, Microneasia, Mongolia, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Mesyuarat yang lepas di Honolulu mencadangkan supaya semua resolusi APPF dipertimbangkan oleh sekretariat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk menjadikannya lebih efektif.

"Oleh kerana Anggota Parlimen mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemimpin masing-masing, pendapat mereka sudah tentu akan mendapat pertimbangan positif," kata Chen.

-- BERNAMA

AZH AHH MAI